



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
SERAHAN SKROL
***GRADUAN TAHUN 2020**
* SEMESTER AKHIR SESI JULAI & NOVEMBER 2019
KPTM KOTA BHARU



1) Bagaimanakah tatacara pengambilan skrol graduan?

Tatacara pengambilan skrol graduan adalah seperti berikut :

a. Melengkapkan Kaji selidik Pengesahan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi

<http://graduan.mohe.gov.my/v>

Graduan perlu **mencetak slip kaji selidik** tersebut dan **bawa bersama semasa proses serahan skrol di kolej.**

b. Menjelaskan semua **hutang/yuran tertunggak (sekiranya ada)** kepada pihak kolej sebelum proses penyerahan skrol dilakukan.

Bagi graduan yang terlibat, sila berhubung dengan Bahagian Kewangan untuk mendapatkan makluman lanjut berkeraan status hutang/yuran tertunggak graduan.

c. Graduan perlu mengisi Borang Temujanji (sekurang-kurangnya sebelum 3 hari bekerja) sebelum hadir ke kolej bagi tujuan serahan skrol :

<https://forms.gle/55vViuDYm8feCcDL6>

d. Tarikh dan masa serahan skrol adalah seperti berikut:

TARIKH	:	15 DISEMBER 2020 – 04 MAC 2021
HARI	:	AHAD – KHAMIS
MASA	:	9.30 PAGI – 1.00 PETANG

e. Graduan dikehendaki berpakaian **kemas dan sopan** semasa proses pengambilan skrol.

f. Graduan yang hadir ke kolej perlu patuh kepada semua SOP berkaitan pencegahan penularan COVID-19.

2) Adakah jubah dan sesi fotografi disediakan oleh pihak kolej?

TIDAK. Jubah dan sesi fotografi **TIDAK DISEDIAKAN** semasa pengambilan skrol. Pihak kolej hanya menyediakan backdrop sebagai ruang bergambar untuk para graduan. Lokasi backdrop ialah di BK17 (Blok Akademik).

3) Saya merupakan graduan sesi Julai 2020. Bolehkah saya mengambil skrol pada tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak kolej?

TIDAK BOLEH. Graduan sesi Julai 2020 yang tamat pada sesi November 2020 dijadualkan hadir ke Majlis Konvokesyen KPTM pada tahun 2021 (*tertakluk dengan keadaan semasa*)*.

- 4) Saya tidak boleh memandu dan memerlukan khidmat keluarga untuk menghantar ke kolej. Adakah ahli keluarga saya dibenarkan untuk hadir ke kolej?

Pihak kolej membenarkan pelajar membawa maksimum dua (2) orang ahli keluarga terdekat untuk hadir ke kolej bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, golongan yang berisiko tinggi seperti warga emas, ibu mengandung dan kanak-kanak/bayi tidak dibenarkan bagi tujuan tersebut.

- 5) Saya tinggal di kawasan Sabah/Sarawak/Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Bagaimanakah proses pengambilan skrol saya? Bolehkah skrol saya dipos atau saya boleh mewakilkan kepada orang lain?

- i. Skrol **TIDAK BOLEH** dihantar melalui pos.
- ii. Graduan boleh mewakilkan ahli keluarga terdekat sebagai wakil bagi mengambil skrol pada hari tersebut dengan membawa **surat turun kuasa** dari graduan dan **salinan kad pengenalan wakil graduan**. Graduan perlu melengkapkan kaji selidik (tracer study) dan menjelaskan hutang/yuran tertunggak (sekiranya ada) dan menyerahkan kepada wakil graduan sebelum serahan skrol dilakukan.

- 6) Saya merupakan kontak rapat/berstatus PUI kepada pesakit Covid-19. Adakah saya dibenarkan untuk hadir ke kolej bagi mengambil skrol?

TIDAK BOLEH. Graduan atau keluarga graduan yang mempunyai kontak rapat/berstatus PUI/sedang dikuarantin di rumah atau hospital **DILARANG** untuk hadir ke kolej.

- 7) Saya tidak dapat hadir pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak kolej. Bolehkah saya mengambil skrol selepas tarikh akhir?

Bayaran perkhidmatan sebanyak **RM 100.00** akan dikenakan kepada mana-mana graduan yang menuntut skrol **tiga bulan selepas** tarikh (*15/12/2020) yang ditetapkan oleh pihak kolej.

**BERSAMA-SAMA KITA MEMATUHI SOP NORMA BARU DENGAN MEMAKAI PELITUP
SEPARUH MUKA & MENGAMALKAN PENJARAKAN SOSIAL**

#kitajagakita

Sebarang pertanyaan boleh hubungi 09-7462020/21 (Pejabat Akademik KPTM Kota Bharu)